

1976

IPOH, 18 JUN (BERNAMA) — DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI SETENGAH AHLI POLITIK MENGAMBIL JALAN MUDAH DENGAN MENSIFATKAN DIRI MEREKA SEBAGAI JUARA RAKYAT DAN MENUNTUT KERAJAAN MEMBERIKAN APA JUGA YANG DIKEHENDAKI KEPADA ORANGRAMAI, TERUTAMA DI KAWASAN PILIHANRAYA MEREKA.

BELIAU BERKATA TOKOH-TOKOH POLITIK INI HARUSLAH MENYEDARI BAHAWA SUMBER KERAJAAN ADALAH TERBATAS DAN PEMBANGUNAN MESTILAH DIJALANKAN MENGIKUT KEUTAMAAN.

DR. MAHATHIR BERKATA RAKYAT PADA UMUMNYA TIDAK BERTERIMAKASIH KEPADA KERAJAAN ATAU MALAH TIDAK LANGSUNG BERSYUKUR TENTANG APA YANG TELAH DIPEROLEHI SEPERTI JALANRAYA, JEMBATAN, KELINIK, SEKOLAH DAN SEBAGAINYA.

MULA-MULA MEREKA MEMINTA AIR DAN DIBERI OLEH KERAJAAN. SELEPAS ITU, MEREKA MENUNTUT BEKALAN LETRIK DAN APABILA PERMINTAAN INI TELAH DIPENUHI, MEREKA MAHU PULA SEKOLAH, BIASISWA DAN SEBAGAINYA.

+INI MERUPAKAN SATU PERKARA YANG TIDAK BERKESUDAHAN DAN ORANGRAMAI MESTILAH MENYEDARI BAHAWA MEREKA TIDAK BOLEH MENDAPATKAN SEGALAGALANYA SEKALI GUS, + KATANYA. — BERSAMBUNG 1523/A1

554:

MAHATHIR - DIALOG 2 IPOH

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TERPAKSA MEMPASTIKAN BAHAWA SUMBERNYA YANG TERHAD, AKAN MENDAPATKAN FAEDAH SETINGGI-TINGGIHNYA KEPADA SEHABIS RAMAI RAKYAT DENGAN CARA YANG SAKSAMA.

AHLI-AHLI POLITIK MESTILAH MENYEDARKAN RAKYAT APA YANG TELAH MEREKA PEROLEHI DARI KERAJAAN DAN MENYEDARI BETAPA BERTUAHNYA MEREKA MENDAPAT FAEDAH SEPERTI ITU.

KATANYA, AHLI-AHLI POLITIK JANGANLAH MENGAPI-APIKAN KEKECEWAAN RAKYAT TERHADAP KERAJAAN KERANA TIDAK MENYEDIAKAN APA YANG MEREKA KEHENDAKI.

DR. MAHATHIR MENINGATKAN MEREKA BAHAWA YANG MENJADI UKURAN SESEORANG PEMIMPIN BUKANLAH TERLETAK PADA PERMINTAAN YANG DIBUATNYA TETAPI TENTANG CARA IA MENGHADAPI MASALAH RAKYAT DAN CARA IA MENYATASINYA. —BERSAMBUNG 1535/1B

556:

MAHATHIR - DIALOG 3 IPOH

MENYENTUH TENTANG RANCANGAN PERINDASTRIAN NEGERI, BELIAU BERKATA SETENGAH NEGERI SEMATA-MATA BERSUNGUT TENTANG NEGERI-NEGERI LAIN YANG BEGITU MAJU SEDANGKAN MEREKA SENDIRI HANYA MENUNGGU PELABUR-PELABUR UNTUK DATANG.

KATANYA WALAUPUN SETENGAH MENGHADAPI BEBERAPA KELEMAHAN DALAM RANCANGAN PERINDASTRIAN, BELIAU BERPENDAPAT INI DAPAT DIATASI SEKIRANYA MEREKA MENUNJUKKAN DAYAUSAHA DAN MENONJOLKAN FAEDAH YANG DAPAT DIBERIKAN KEPADA PARA PELABUR.

BELIAU MENASIHATKAN NEGERI-NEGERI BERUSAHA MENARIK PELABUR DENGAN MENGHANTAR ROMBONGAN DAN MENUNJUKKAN FILEM-FILEM YANG

MENERANGKAN TENTANG FAEDAH-FAEDAH YANG BOLEH DITAWARKAN.

DR. MAHATHIR TELAH BERCAKAP SELEPAS DIBERI TAKLIMAT MENGENAI PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN. — BERNAMA 1535/A1